

Pg. P.U. 31. **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
UNDANG-UNDANG KECIL (LARANGAN MEROKOK DI DALAM
KENDERAAN-KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM), 1980

- Akta 171. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 102 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil seperti berikut.
- Nama. 1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok di dalam Kenderaan-kenderaan Perkhidmatan Awam), 1980.
- Tafsiran. 2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain;
"kenderaan bermotor" ertinya sebarang bentuk kenderaan yang digerakkan dengan jentera yang terkandung di dalamnya sendiri dan yang dibina atau diubahsuai supaya boleh digunakan di atas jalan-jalan raya;
"kenderaan perkhidmatan awam" ertinya kenderaan bermotor yang digunakan untuk membawa penumpang-penumpang dengan dibayar sewa atau upah ataupun untuk sebarang balasan yang lain;
"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;
"merokok" dengan variasi nahunya ertinya menyedut dan menghembuskan asap tembakau atau benda yang lain;
"pemunya berdaftar" ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya sesebuah kenderaan bermotor di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang berkaitan dengan perlesenan dan pendaftaran kenderaan-kenderaan bermotor;
"teksi" ertinya kenderaan perkhidmatan awam di dalam mana muatan tempat duduknya adalah tidak lebih dari lima orang termasuk drebarnya sekali;
"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis.
- Kesalahan merokok. 3. Sesiapa yang merokok dalam sebarang kenderaan perkhidmatan awam adalah melakukan satu kesalahan menurut undang-undang kecil ini dan bagi tujuan undang-undang kecil ini perbuatan memasang api cerut, rokok, paip atau sesuatu alat bagi tujuan merokok adalah sama seperti perbuatan merokok.
- Notis larangan merokok. 4. (i) Pemunya berdaftar setiap kenderaan perkhidmatan awam hendaklah menyebabkan dipamerkan notis-notis yang sesuai dan mencukupi dengan saiz-saiz yang memadai dalam Bahasa Malaysia pada tempat yang mudah dilihat, menyatakan bahawa merokok adalah dilarang dan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan itu menurut undang-undang kecil ini dan juga hendaklah, jika dikehendaki oleh Majlis meletakkan notis-notis itu pada tempat-tempat perhentian kenderaan perkhidmatan awam, menyusun perkataan-perkataan sedemikian cara atau menyesuikannya mengikut saiz tertentu, sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Majlis.

(n) Selain dan meletakkan notis-notis itu, pemunya berdaftar hendaklah memakai mana-mana cara, kaedah atau tanda se-mana yang diarahkan oleh Majlis bagi menarik perhatianumpang-penumpang kepada larangan dan hukuman yang se-likian itu.

(ni) Pemunya berdaftar sebarang kenderaan perkhidmatan awam yang melanggar mana-mana dari peruntukan perenggan kecil (i) dan (ii) undang-undang kecil ini atau tidak mematuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh Majlis di bawah perenggan kecil tersebut adalah melakukan kesalahan menurut undang-undang kecil ini.

(o) Mana-mana pegawai atau pekerja Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua berhak menaiki mana-mana kenderaan perkhidmatan awam tanpa membayar apa-apa tambang di perjalanan itu, untuk tujuan menjalankan tugas-tugasnya menurut undang-undang kecil ini.

(p) Sesiapa pun tidak boleh menghalang, mengacau atau meng-ganggu mana-mana pegawai atau pekerja Majlis yang menyem-pankan tugas-tugasnya menurut undang-undang kecil ini.

Sesiapa yang melanggar undang-undang kecil 3 atau undang-undang kecil 5 undang-undang kecil ini boleh diusir dari mana-mana kenderaan perkhidmatan awam oleh konduktor atau kon-dukteres kenderaan perkhidmatan awam itu atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja Majlis yang diberi kuasa secara am oleh Yang Dipertua secara bertulis atau dalam sesuatu kes tertentu, mana perbuatan melanggar undang-undang kecil itu dapat dilakukan oleh konduktor atau kondukteres atau pegawai atau pekerja dan nama serta kediaman orang yang melanggar undang-undang kecil ini tidak diketahui dan tidak dapat ditentukan dengan nama-merta oleh konduktor atau kondukteres atau pegawai atau pekerja itu.

Sesiapa yang melanggar mana-mana dari undang-undang kecil ini adalah bersalah dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu mana-duanya.

Isi kandungan undang-undang kecil ini tidak terpakai kepada kenderaan yang berdaftar sebelum tarikh 27hb Mac, 1980.

DATUK HAJI MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,
Pulau Pinang

Dibuatkan pada 9hb September, 1981.
[PP/PP/16881/Bah. 22; R. 50/8/15-1;
[PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang